

Panik ular sawa lintas sampan

Dua beradik mangsa banjir tidak menduga jumpa tetamu tidak diundang

BESTARI JAYA — Hasrat dua beradik yang juga mangsa banjir yang mahu menjenguk ibu saudara bersebelahan dengan rumahnya yang turut dinaiki air menggunakan sampan milik keluarga tidak tercapai apabila bertemu ular sawa sepanjang tiga meter yang melintasi sampan mereka.

Ibu kepada dua beradik itu, Gulmarjan Fakir Khan, 53, ketika menceritakan detik cemas itu berkata, dalam kejadian kira-kira jam 10 malam Sabtu lalu, dua anaknya yang mengayuh sampan untuk melihat keadaan saudaranya itu tidak menyedari ular sawa yang melintasi sampan mereka.

"Saya yang melihat mereka dari rumah terlihat kelibat ular sawa yang melintas sampan mereka dan dek kerana terlalu panik serta terkejut, saya hanya menjerit ular...ular...ular."

"Dua anak yang sedang mengayuh sampan ketika itu menjadi kalam kabut mengayuh sekuat hati selepas menyedari terlihat ular bersebelahan sampan yang mereka naiki," katanya yang tidak menyangka kejadian itu menjadikan pengalaman yang tidak dilupakan.

Sebelum kejadian, Gulmarjan berkata, dia dan sebuah keluarga lain diminta berpindah ke pusat penempatan sementara di Balairaya Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Rantau Panjang selepas air melepasi paras dada selepas hujan lebat Jumaat lalu.

Gulmarjan berkata, ketika diminta berpindah, dia meminta anaknya menjenguk saudara di sebelah rumah yang tidak mempunyai sampan untuk membantu sekiranya diperlukan.

"Namun, hasrat tidak tercapai apabila terlihat ular sawa yang begitu

besar sehingga menakutkan kami sekeluarga dan kebetulan ada anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (Jpam) turut membantu untuk menangkap ular terbabit, namun tidak berjaya," katanya yang menetap di pusat penempatan terbabit bersama 11 ahli keluarganya.

Gulmarjan antara 71 keluarga yang ditempatkan di Balairaya JKKK Rantau Panjang selepas musibah banjir yang melanda kampung itu sejak Jumaat lalu dan kejadian sama turut melanda lima kampung di Jeram iaitu Kampung Bukit Hijau, Kampung Bukit Cheraka, Parit Mahang, Kampung Bukit Kuching Tengah dan Kampung Kuching Hilir.

Seramai sembilan keluarga membabitkan 32 penduduk di Kampung Parit Mahang dan Kampung Bukit Hijau dipindahkan buat sementara waktu dan dijangka 10 keluarga lain akan dipindahkan di kawasan penempatan sementara yang disediakan jika keadaan bertambah buruk Sinar Harian turut difahamkan, Kampung Sungai Sireh turut dilanda banjir di lokasi yang sama sebelum ini.

Geografi kawasan banjir

ADUN Jeram, Datuk Amiruddin Setro berkata, musibah banjir yang berlaku di kawasan Jeram dan Dun Ijok itu dikenali disebabkan faktor geografi kawasan yang lebih rendah dan kebetulan berlakunya air pasang mati menyebabkan parit sedia ada tidak dapat menampung limpahan air hujan.

"Di kawasan Jeram, lima kampung terlibat dan dua penempatan banjir dibuka di Parit Mahang dan Bukit Cheraka dengan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor (PKDKS), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (Jpam) dan anggota polis.

"Saya mendapati, air lumpur daripada projek pembangunan di Puncak Alam turut mengalir ke kawasan kampung dan ditambah dengan keadaan prasarana perparitan yang tersumbat menjadikan air melimpah masuk ke kawasan kebun dan rumah penduduk.

"Saya difahamkan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut



Amiruddin (kiri) bertanya khabar dengan mangsa banjir paling tua, Sesom Jawi Mustam, 93, ketika melawat kawasan penempatan banjir di Dun Jeram dan Ijok semalam.

menyediakan dua pam di Kampung Bukit Kuching dan Jalan Merbau bagi mengurangkan kesan banjir di penempatan yang rendah," katanya.

Buat masa ini, bantuan yang dihulurkan hanya melalui JKM dan agensi berkaitan.

Mangsa banjir mengadu tiada bantuan kewangan diberikan meskipun ada pegawai dari Pejabat Kerja Menteri Besar datang melihat keadaan mereka.

Amiruddin berkata, sumbangan Barisan Nasional dan Umno tidak pernah putus.

"Biar rakyat menilai sendiri, sebaik sahaja dimaklumkan musibah ini, saya bersama Skwad Sayang Parlimen Kuala Selangor hadir memberikan sumbangan dan 'duit sabun' bagi meringankan beban yang ditanggung," katanya.

Pindah elak kejadian buruk

AMIRUDDIN turut menasihatkan penduduk yang masih enggan berpindah berbuat demikian bagi mengelak kejadian yang tidak diingini.

"Keadaan cuaca tidak menentu sekarang ini dan tidak mustahil akan hujan lagi. Jadi, rumah penduduk yang terjejas diminta dapat berpindah di tempat selamat kerana prosedur bantuan JKM, mereka yang menetap di kawasan penempatan sahaja akan dibantu.

"Jadi, demi keselamatan diri dan keluarga, saya menyarankan mereka berpindah jika keadaan semakin teruk, pihak berwajib akan memantau kawasan rumah yang ditinggalkan bagi membendung kejadian pecah rumah dan kecurian," katanya.



"Saya mengambil keputusan drastik menempatkan mereka secara berperingkat sejak jam 6 petang hingga 12 malam."

Pengerusi JKKK Rantau Panjang, Rahim Mohd Yatim



"Air yang naik di kawasan halaman masih belum surut kerana parit tidak mengalir sempurna, harap air yang melimpah ini dapat dipam keluar segera."

Penduduk Kampung Bukit Hijau, Norhayati Yakob



Banjir yang berlaku menyebabkan rutin harian penduduk terjejas.



Kawasan rumah penduduk dinaiki air di Kampung Bukit Hijau.